

Seminar Penerapan "SOFTSKILLS" Dalam Kerjaya Kejuruteraan

Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan KUKUM telah berjaya dianjurkan Seminar 'Penerapan *Softskills*' dalam Kerjaya Kejuruteraan' bertemakan 'Ke Arah Mendapat Ganjaran Kerjaya' pada 21 Ogos 2004 bertempat di Dewan Budaya Kangar Perlis.

Seramai 400 orang pelajar tahun dua KUKUM telah menyertai seminar tersebut yang antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan secara langsung kepada pelajar tahun 2 KUKUM kepada kepentingan penerapan *softskills* dalam konteks kemajuan kerjaya seterusnya memberikan pendedahan kepada pelajar terhadap kepentingan penerapan *softskills* dari perspektif pengalaman daripada pihak industri dan juga membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan peranan *softskills* dalam kehidupan individu, bermasyarakat dan organisasi.

Seminar yang julung-julung kali diadakan ini bertujuan untuk meningkatkan imej KUKUM sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khasnya di peringkat Wilayah Utara Semenanjung Malaysia iaitu yang meliputi Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dan juga memberikan pendedahan kepada pelajar tentang pentingnya penerapan kemahiran *softskills* dalam kerjaya.

Bagi memastikan objektif seminar dapat disalurkan kepada peserta-peserta, pihak penganjur mengambil inisiatif menjemput 2 orang profesor dan seorang wakil dari industri yang begitu dikenali untuk sama-sama berkongsi pengalaman bersama pelajar-pelajar KUKUM mereka ialah Prof. Dr Juhari Ali, Pengarah Pusat Pembangunan Eksekutif Universiti Utara Malaysia yang menyampaikan ceramah bertajuk 'Menangani Perubahan Dalam Era Globalisasi' dan Prof. Dr Mahmood Nazar Mohamed, Profesor di Jabatan Psikologi dan Kaunseling Fakulti Pembangunan Sosial dan Sumber Manusia, Universiti Utara Malaysia yang menyampaikan ceramah bertajuk 'Kepentingan Penerapan *Softskills* Dalam Kerjaya Kejuruteraan'. Manakala wakil industri ialah En. Ishak Jainoo, Eksekutif Teknikal Sime Tyre (International) Sdn. Bhd yang menyampaikan ceramah 'Pengalaman Dalam Menerapkan Nilai-Nilai *Softskills* di Sime Tyre'.

Dalam menghadapi kerjaya yang mencabar sebagai seorang jurutera, *output* atau produktiviti (*hardskill*) menjadi ukuran utama terhadap sesuatu ganjaran. Namun begitu, untuk mencapai produktiviti yang tinggi seorang individu perlu mempunyai dua kemahiran yang penting iaitu kognitif (pengurusan minda) dan efektif (pengurusan perasaan). Kedua-dua elemen ini mestilah seimbang dan dalam konteks '*softskills*' ia merupakan faktor penentu terhadap kecekapan produktiviti serta kejayaan seseorang. Konsep ini dinyatakan dengan sejelas-jelasnya di dalam bengkel ini supaya pelajar-pelajar KUKUM mengetahui yang kedua-dua elemen tersebut menjadi penanda aras (*benchmarking*) dan amalan terbaik (*best practices*) serta berperanan dalam pelbagai aspek termasuk pengajaran, etika kerja, kursus, bengkel dan sebagainya.

Disediakan oleh :
Nurazrina Abd.Rahman



touch and go

